



OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W)

## TERMA DAN SYARAT BERKAITAN DENGAN PENYEWAAN PETI SIMPANAN KESELAMATAN

Dalam pertimbangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W) ("Bank", dimana ungkapan ini harus termasuk pengganti Bank yang ditugaskan) bersetuju untuk menyewa Peti Simpanan Keselamatan ("Peti Simpanan") yang dikenalpasti dalam Perjanjian kepada Penyewa pada sewa yang telah ditentukan, Penyewa bersetuju untuk terikat oleh Perjanjian dan terma dan syarat-syarat yang boleh diubah ditambah atau diubah oleh Bank dari masa ke semasa. Sekiranya 2 atau lebih orang yang termasuk dalam istilah "Penyewa", semua covenants Perjanjian terma dan syarat peruntukan sekatan atau kewajipan yang terkandung dalam Perjanjian dan terma-terma dan syarat-syarat ini dianggap tertakluk dan tergunapakai terhadap mereka secara bersama dan setiap daripada mereka masing-masing.

### 1 PRASYARAT

Ini adalah prasyarat untuk menyewa Peti Simpanan bahawa Penyewa harus memelihara akaun perbankan dengan Bank dan Akaun tersebut harus dipelihara selama Peti Simpanan Keselamatan disewa untuk Penyewa. Penutupan atau penamatkan akaun harus, kecuali dinyatakan diputuskan oleh Bank dengan kebijakannya sendiri, dianggap arahan Penyewa untuk menamatkan penyewaan di mana Klausula 11.1 Peti Simpanan Keselamatan akan digunakan.

### 2 MENYEWA PETI

- 2.1 Perjanjian untuk sewa tidak memberi Penyewa, sebarang atau sesuatu yang lain selain daripada kebenaran untuk menggunakan Peti Simpanan semasa tempoh penyewaan untuk menyimpan barang yang secara semula jadinya sesuai, selaras dengan terma dan syarat ini.
- 2.2 Sewaan Peti Simpanan akan bermula pada tarikh Perjanjian dan akan dilanjutkan secara automatik pada tahunan atau secara berkala seperti yang lain yang mungkin ditentukan oleh Bank, kecuali dihentikan oleh Bank atau Penyewa sesuai dengan keperluan dan keadaan.
- 2.3 Sewa tahunan akan dikenakan bayaran secara tahunan atau secara berkala yang lain yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa dan bayaran pendahuluan untuk sewa selama setahun dibayar oleh Penyewa.

### 3 DEPOSIT KUNCI DAN CAJ-CAJ LAIN

- 3.1 Sewa tidak akan dikembalikan kepada Penyewa sekiranya sewaan ditamatkan sebelum jangkamasa penuh tempoh sewaan. Bank boleh, bagaimanapun pada pertimbangan tunggalnya membayar balik

bahagian atau sewa yang tidak digunakan kepada Penyewa sekiranya sewaan adalah kurang daripada tiga bulan ataupun jangkamasa yang ditentukan oleh Bank.

- 3.2 Untuk menyewa Peti Simpanan, Penyewa perlu membayar sewa pendahuluan serta deposit untuk kuncinya dan hendaklah membuat perjanjian dengan Bank untuk menyewa Peti Simpanan dibawah terma dan syarat yang ditetapkan. Deposit akan dikembalikan kepada Penyewa pada pengendalian atas Peti Simpanan kosong dan kunci-kunci kepada Bank dan tertakluk kepada hak Bank untuk melaksanakan semua bahagian Deposit terhadap sebarang tunggakan kepada Bank di bawah Perjanjian dan terma dan syarat dan untuk menggunakan semua atau sebahagian daripadanya jika kunci tidak dikembalikan atau jika kunci baru atau pengantian kunci diperlukan.
- 3.3 Sewa tahunan, yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan ke atas Peti Simpanan boleh didapati atas permintaan atau daripada cawangan-cawangan Bank, laman web atau saluran pengantar Bank yang lain, Bank mempunyai hak untuk mengubah sewa tahunan, yuran-yuran dan caj-caj tersebut dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Penyewa.

### 4 KUNCI

- 4.1 Peti Simpanan hanya boleh dibuka dengan menggunakan kunci bersama dengan sebuah kunci induk milik Bank yang dikonfigurasikan secara berbeza.
- 4.2 Penyewa mestilah bertanggungjawab untuk menyimpan kunci dengan baik. Sekiranya kunci didapati hilang, dicuri atau tersalah letak, Penyewa mestilah melaporkannya kepada Bank dengan segera dan Bank boleh atas permohonan Penyewa memberikan kunci yang baru dan sebarang kos yang timbul selepas itu akan ditanggung oleh Penyewa. Kecuali atau sehingga Bank dimaklumkan tentang kehilangan kunci, Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku akibat Peti Simpanan dibuka dan kandungannya dikeluarkan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai kunci dan menyamar sebagai Penyewa.
- 4.3 Semua pemberian wajar ke atas kunci mestilah dilakukan secara eksklusif oleh pekerja yang dilantik oleh Bank. Segala perbelanjaan yang timbul daripada kehilangan kunci atau kunci-kunci atau sebarang pemberian yang timbul daripada selain penggunaan sebenar dan berasas ke atas Peti Simpanan (termasuk kos kunci baru jika perlu) mestilah ditanggung oleh Penyewa.



OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W)

## TERMA DAN SYARAT BERKAITAN DENGAN PENYEWAAN PETI SIMPANAN KESELAMATAN

- 4.4 Kunci-kunci mestilah diserahkan kepada Bank dalam keadaan baik pada saat berakhirnya sewa tersebut. Penyewa tidak akan dalam keadaan apapun membuat salinan kunci.

## 5 LARANGAN DAN SEKATAN PENGGUNAAN

- 5.1 Hanya Penyewa dibenarkan untuk mengakses Peti Simpanan. Dia tidak dibenarkan untuk menyewa Peti Simpanan atau mana-mana sebahagian daripadanya kepada orang lain (Sublet).
- 5.2 Penyewa tidak boleh mengguna atau membenarkan Peti Simpanan digunakan untuk menyimpan sebarang cecair atau apa jua bentuk bahak peledak, berbahaya atau yang melanggari undang-undang, atau apa jua yang mungkin memudaratkan Bank atau Penyewa Peti Simpanan Keselamatan yang lain, atau untuk sebarang tujuan lain daripada menyimpan barang atau dokumen yang berharga dan Penyewa akan atas permintaan membenarkan Bank untuk memeriksa kandungan Peti Simpanan untuk tujuan memastikan yang syarat-syarat ini dipatuhi.

## 6 OPERASI DAN AKSES

- 6.1 Penyewa boleh mengakses Peti Simpanan pada mana-mana hari (kecuali Sabtu, Ahad dan hari cuti) semasa waktu pejabat Bank dengan menandatangani permohonan untuk pengaksesan tersebut tetapi Bank tidak terikat untuk membenarkan pengaksesan tersebut jika tandatangan Penyewa tidak mendapat pengesahan yang memuaskan Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku akibat daripada keengganannya Bank membenarkan pemohon mengakses Peti Simpanan atas alasan Bank tidak berpuashati dengan keaslian tandatangan.
- 6.2 Bank juga boleh tidak membenarkan pengaksesan kepada Peti Simpanan jika sewanya tertunggak dan tidak dibayar (kecuali dan sehingga Bank menerima notis menyatakan tentang penamatkan sewa) atau sebarang jumlah yang perlu dijelaskan dan dihutang kepada Bank daripada Penyewa di bawah terma dan syarat ini.
- 6.3 Kecuali jika dipersetujui secara bertulis, sekiranya Peti Simpanan disewa oleh dua Penyewa bersama-sama, itu akan menjadi keperluan kontrak sewaan di mana salah seorang daripada Penyewa akan dibenarkan untuk membuka Peti Simpanan dan menhapus kandungannya atau beruruskan

dengan kandungan atau bahagian dan tidak dalam pengurangan dari tersebut diatas, Bank tidak bertanggungjawab atas penghapusan atau pengendalian kandungan atau bahagian daripadanya oleh pihak tersebut.

- 6.4 Jika Penyewa adalah individu, Penyewa tidak boleh melantik pihak ketiga untuk mempunyai akses kepada Peti Simpanan. Bank boleh menolak pihak ketiga untuk mengendalikan dan mengakses Peti Simpanan.

## 7 PENGECUALIAN TERHADAP LIABILITI – LIABILITI

- 7.1 Bank tidak boleh dianggap sebagai penjamin bagi kandungan Peti Simpanan atau sebahagian daripadanya, juga tidak akan bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan isi Peti Simpanan apapun yang disebabkan atau timbul.
- 7.2 Bank juga tidak dipengaruhi oleh notis bagi mana-mana amanah atau ekuiti yang dikaitkan dengan kandungan tersebut atau sebahagian daripadanya.

## 8 INSURANS

- 8.1 Bank tidak akan bertanggungjawab atas setiap kerugian dan/atau kerosakan pada kandungan di dalam Peti Simpanan yang timbul dari sebab-sebab di luar kawalan Bank, termasuk tidak terhad pada sebab-sebab seperti banjir, letusan, gempa bumi, rusuhan, tindakan keganasan, tanah runtuh dsb. Dengan ini, nyata terus dipersetujui bahawa dalam hal kerugian yang ditanggung oleh Penyewa akibat dari kerosakan / kerugian / kerosakan pada kandungan Peti Simpanan berpunca daripada rompakan di Peti Simpanan Kubah, Bank wajib tertakluk kepada penyelesaian yang memuaskan dari dokumentasi tuntutan yang bersesuaian akan bertanggungjawab untuk kerugian tersebut sehingga maksimum RM10,000-00 sahaja.
- 8.2 Penyewa mengakui bersetuju dan sedar sepenuhnya bahawa Bank dalam apa juga cara tidak bertanggungjawab dan tidak akan mendapatkan mana-mana insurans berhubung dengan kandungan Peti Simpanan terhadap sebarang risiko keselamatan untuk perlindungan insurans yang berjumlah RM10,000-00 bagi setiap Peti Simpanan Keselamatan untuk kehilangan dan kerosakan. Penyewa bersetuju bahawa Penyewa adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan insurans sendiri berhubung dengan kandungan bagi jumlah tambahan dan daripada sesuatu risiko yang Penyewa mungkin anggap sesuai. Liabiliti Bank berhubung dengan sebarang tuntutan atau



OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W)

## TERMA DAN SYARAT BERKAITAN DENGAN PENYEWAAN PETI SIMPANAN KESELAMATAN

apa saja berhubung dengan Peti Simpanan Keselamatan adalah terhad kepada RM10,000.00 bagi setiap Peti Simpanan Keselamatan.

### 9 LIEN

- 9.1 Bank mempunyai lien atau caj ke atas Peti Simpanan untuk sewa dan semua jumlah yang Penyewa mungkin tanggung kepada Bank di bawah terma dan syarat ini.
- 9.2 Bank mungkin pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa selepas memberi notis terlebih dahulu niat kepada Penyewa, menjual semua atau mana-mana kandungan Peti Simpanan dan mengenakan hasil bersih mengikut kepuasan wang yang perlu dibayar kepada Bank bagi sesuatu sewaan atau perbelanjaan sebagai yang disebutkan dahulu dan lebihan hasil jualan (jika ada) akan disimpan oleh Bank bagi arahan Penyewa tanpa mempunyai sebarang liabiliti bagi bahagian Bank untuk faedah.
- 9.3 Bank diberi kuasa untuk mendebit akaun Penyewa dengan sewa dan semua caj-caj yang berkaitan dengan Peti Simpanan tersebut berdasarkan Perjanjian ini.
- 9.4 Selain lien Bank, hak set-off atau hak lain dan penyelesaian yang mungkin dipunyai oleh Bank, Bank berhak pada bila-bila masa dan dengan notis kepada Penyewa menggabungkan atau mengkonsolidasikan semua atau salah satu akaun dari Penyewa akaun termasuk dari Penyewa yang diadakan sendiri atau bersama-sama dengan orang lain (baik simpanan deposit semasa atau mana-mana jenis sama ada di Malaysia atau tempat lain) dan set-off atau memindahkan jumlah baki kredit dari salah satu atau lebih akaun tersebut atau penyelesaian ke atas kewajipan wang dan liabiliti Penyewa kepada Bank di bawah Perjanjian dan terma dan syarat dan di mana kombinasi seperti set-off atau pemindahan yang memerlukan penukaran dari satu mata wang ke yang lain, Bank diberi kuasa untuk penukaran seperti kadar pertukaran Bank sendiri (seperti ini ditentukan oleh Bank).

### 10 SEWA TERTUNGGAK

- 10.1 Jika terdapat tunggakan bayaran sewa dan tidak dijelaskan untuk satu bulan selepas tarikh perlu dijelaskan atau jika terdapat sebarang perlanggaran atau bukan permerhatian atau bukan prestasi bagi mana-mana terma dan syarat ini ke atas bahagian Penyewa dan Penyewa akan kehilangan hak akses terhadap Peti Simpanan dan akan tetap bertanggungjawab untuk membayar sewa atau

membaiki lalai dalam waktu satu bulan sejak tarikh notis dari Bank.

- 10.2 Jika Penyewa gagal untuk mematuhi Klausus 10.1 diatas, Bank bebas :-

- a) Untuk menentukan akan Perjanjian ini dan dalam kes seperti ini, Bank adalah layak hanya kepada bahagian sewa sehingga tarikh Penamatian Perjanjian, namun tertakluk kepada terma dan syarat 11 dan 12 yang terkandung disini, dan/atau
- b) Jika sewa untuk tahun semasa telah pun dibayar, sewa tidak akan dipulangkan oleh Bank.

### 11 PENAMATAN

- 11.1 Dengan penamatian Perjanjian untuk penyewaan oleh Bank atau Penyewa, semua harta yang disimpan di dalam Peti Simpanan akan dikeluarkan dan kunci mestilah dipulangkan kepada Bank. Penerimaan kunci akan diakusahkan oleh Bank dengan memulangkan bayaran depositnya yang sesuai dengan terma dan syarat dan Perjanjian ini.
- 11.2 Dalam kes penyewaan bersama (di mana cara operasi Peti Simpanan menetapkan bahawa salah satu daripada Penyewa bersama boleh mendapatkan akses kepada Peti Simpanan) masing-masing Penyewa dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk bertindak atas arahan daripada salah satu daripada Penyewa bersama untuk menamatkan Perjanjian ini dan untuk menutup Peti Simpanan dan arahan tersebut akan menjadi pelepasan lengkap tentang kewajipan Bank kepada Penyewa.
- 11.3 Jika kunci tidak dipulangkan kepada Bank dalam tempoh enam bulan penamatian Perjanjian, Bank berhak pada bila-bila masa untuk memecah buka Peti Simpanan dan jika Bank berpendapat sesuai untuk memecahkan penutup mana-mana paket atau bekas simpanan yang terdapat di dalam Peti Simpanan dan membuka kunci atau memecah buka sebarang kunci bekas simpanan tanpa bertanggungjawab ke atas kerosakan yang disebabkan olehnya. Bank adalah bebas untuk mengirim kandungan Peti Simpanan melalui pos berdaftar atau cara yang wajar atas risiko Penyewa kepada Penyewa di alamat yang dirujukan dalam Klausus 15 atau atas pilihan Bank, ia mungkin mengekal dan menyimpan kandungan tersebut di dalam Peti Simpanan atau sesuatu Peti Simpanan Keselamatan lain atau tempat yang difikirkan sesuai atas risiko Penyewa yang mutlak dan Bank adalah layak untuk mengenakan caj yang bersamaan dengan jumlah dua kali



OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W)

## TERMA DAN SYARAT BERKAITAN DENGAN PENYEWAAN PETI SIMPANAN KESELAMATAN

ganda sewaan yang perlu dibayar bagi tempoh bermula dari tarikh penamatan Perjanjian sehingga Bank mengirimkan kandungan Peti Simpanan kepada Penyewa atau sehingga Penyewa mengeluarkan kandungan Peti Simpanan.

### 12 SEWA DUA KALI GANDA

12.1 Jika kandungan Peti Simpanan tidak dikeluarkan atau kunci tidak dipulangkan kepada Bank pada atau sebelum penamatan Perjanjian oleh mana-mana pihak, Penyewa mestilah bertanggungjawab untuk membayar sewa dua kali ganda kepada Bank dari tarikh penamatan sehingga kandungan Peti Simpanan dikeluarkan dan kunci dipulangkan kepada Bank.

### 13 PETUKARAN LOKASI PETI SIMPANAN

13.1 Bank adalah berhak pada setiap masa dengan menghantar notis 30 hari tarikh kalender (atau tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh Bank) sebelum pelaksanaan petukaran lokasi Peti Simpanan. Petukaran lokasi Peti Simpanan boleh dilaksanakan pada masa berakhirnya notis tersebut dan Bank harus bebas untuk melaksanakan semua atau salah satu kuasa yang diberikan oleh syarat dan terma.

### 14 KEMATIAN

14.1 Sekiranya 2 atau lebih daripada seorang termasuk dalam istilah "Penyewa", semua obligasi dan Perjanjian dalam terma dan syarat ini adalah dianggap dibuat oleh dan mengikat setiap Penyewa secara bersama dan berasingan dan Peti Simpanan adalah dianggap akan dibuka atau dikekalkan dalam nama bersama dengan hak selagi ada hayat (survivorship). Perjanjian tidak akan ditamatkan oleh kematian atau dalam kapasiti oleh mana-mana Penyewa tetapi kekal berkuatkuasa untuk Penyewa (- penyewa) yang masih hidup.

14.2 Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi mana-mana satu atau lebih Penyewa, Bank adalah layak untuk membenarkan orang yang masih hidup akan akses kepada Peti Simpanan dan mengeluarkan semua kandungan asalkan sebelum pengaksesan tersebut, Penyewa (-penyewa) yang masih hidup mempunyai kunci dan sesuatu pengesahan dan/atau menandatangani sesuatu dokumen yang mungkin diperlukan oleh Bank. Jika Bank menerima arahan yang bercanggah daripada Penyewa bersama atau daripada wakil guaman masing-masing, Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandat

semua Penyewa atau semua wakil guaman masing-masing.

14.3 Sekiranya berlaku kematian ke atas Penyewa, wakil (-wakil) guaman peribadi jika lebih daripada seorang, dengan menunjukkan Surat Waris atau Surat Pentadbiran dan menandatangani namanya atau nama-nama mereka dalam Borang Permohonan dan menunjukkan Kunci, mungkin boleh mengakses dan membuka Peti Simpanan dan mengeluarkan semua kandungan dan tindakan ini akan menamatkan Perjanjian secara automatik.

14.4 Bank mungkin atas budi bicaranya tanpa bertanggungjawab keatas sebarang kehilangan sebelum menerima Surat Waris atau Surat Pentadbiran membenarkan sesiapa sahaja yang menyatakan layak untuk mentadbir harta benda Penyewa untuk membuka Peti Simpanan dan memeriksa kandungannya dalam kehadiran pengawal Bank tetapi orang tersebut tidak boleh mengeluarkan mana-mana kandungan kecuali dengan mana-mana surat Wasiat atau menurut Wasiat di mana orang tersebut dilantik oleh pelaksana wasiat.

### 15 NOTIS

15.1 Penyewa mestilah memberitahu Bank secara bertulis (atau melalui cara-cara lain yang sedemikian dan/atau kaedah-kaedah yang dipersetujui oleh Bank dari semasa ke semasa) bagi apa-apa perubahan kepada maklumat Penyewa. Bank akan dianggap telah menerima notis bagi perubahan maklumat Penyewa jika Bank memang telah menerima notis mengenai perubahan tersebut. Sekiranya 2 orang atau lebih termasuk dalam istilah "Penyewa", semua notis dan lain-lain maklumbalas yang dihantar kepada salah seorang Penyewa akan dianggap telah dihantar kepada semua Penyewa dan akan diterimapakai oleh setiap seorang dan semua Penyewa.

### 16 VARIASI PERSYARATAN

16.1 Bank berhak pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak dan melalui notis bertulis kepada penyewa, mengubah salah satu atau lebih dari terma dan syarat ini.

16.2 Jika Penyewa tidak bersetuju akan perubahan-perubahan tersebut, dengan itu Penyewa mestilah tidak menyambung penyewaan Peti Simpanan dan mengarahkan Bank untuk menamatkan sewaan Peti Simpanan. Di mana Penyewa menyambung sewaan Peti Simpanan setelah notis dikeluarkan, Penyewa akan dianggap telah



OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W)

## **TERMA DAN SYARAT BERKAITAN DENGAN PENYEWAAN PETI SIMPANAN KESELAMATAN**

bersetuju dengan dan menerima perubahan – perubahan itu.

- 16.3 Dalam kejadian di mana Bank memutuskan atas budi bicara mutlak untuk tidak menyambung penyewaan Peti Simpanan yang tertakluk oleh terma dan syarat selamanya, Bank akan memberi notis bertulis bagi tidak menyambung penyewaan Peti Simpanan kepada Penyewa.
- 16.4 Bank akan memberitahu Penyewa atas mana-mana perubahan terhadap terma dan syarat melalui:
- menerbitkan perubahan-perubahan tersebut dalam penyata akaun yang dihantar kepada Penyewa;
  - memperkenalkan perubahan-perubahan tersebut pada cawangan-cawangan Bank atau ATM;
  - memaparkan perubahan-perubahan tersebut pada laman web Bank;
  - mel elektronik atau surat;
  - menerbitkan perubahan-perubahan tersebut dalam mana-mana suratkhabar atau
  - cara-cara komunikasi yang lain yang akan ditentukan oleh Bank atas budi bicara mutlak.

Dijelaskan bahawa tarikh efektif pada segala perubahan adalah seperti mana tarikh yang dinyatakan pada iklan atau pada notis bank atau pada penyata bank dan jika tiada tarikh dinyatakan, tarikh efektif adalah tarikh pada notis dikeluarkan.